

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 14 MAC 2023 (SELASA)

SOALAN

TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan Perpaduan sekarang mempunyai komitmen untuk menghidupkan semula perkhidmatan feri ikonik yang tersadai di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Perkhidmatan feri sepenuh masa di Pulau Pinang yang telah bermula sejak dari tahun 1894 kini telah diambil alih semula oleh Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) bermula 1 Januari 2021 selaras dengan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya bertarikh 18 Disember 2019.
2. Sepertimana yang sedia maklum, perkhidmatan feri tersebut mempunyai sejarah yang mendalam dan telah melalui pelbagai fasa evolusi dari sebelum kemerdekaan negara sehingga hari ini. Dalam hal ini, setelah mengambil kira faktor kos operasi yang tinggi serta kondisi feri-feri berkenaan, Kerajaan berpandangan bahawa perkhidmatan feri-feri ikonik tersebut adalah tidak lagi efektif dan selamat untuk terus beroperasi bagi menjamin keselamatan dan keselesaan penumpang.
3. Namun begitu, bagi memastikan nilai ikonik feri-feri ini terus berada di perairan Pulau Pinang, pihak Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) telah memajakkan feri-feri tersebut pada Julai 2021 untuk dijadikan muzium terapung (Feri Pulau Pinang), restoran terapung (Feri Pulau Payar dan Feri Pulau Kapas) serta feri pelancongan (Feri Pulau Undan dan Feri Pulau Talang-Talang). Manakala, sebuah lagi feri iaitu Feri Pulau Angsa telah dihadiahkan oleh SPPP kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
4. Dalam hubungan ini, operasi perkhidmatan feri di Pulau Pinang akan ditambah baik dengan penggunaan perkhidmatan feri jenis baharu yang mampu mengangkut lebih kurang 200 penumpang bagi membawa penumpang pejalan kaki dan kenderaan beroda dua (motosikal dan basikal) yang bakal dilaksanakan bermula pertengahan tahun 2023.
5. Dengan pengenalan perkhidmatan feri yang baharu ini, Pihak Berkuasa Pelabuhan iaitu SPPP dan juga operator pelabuhan iaitu PPSB telah merencana penaiktarafan fasiliti pelabuhan dan juga sistem operasi

SOALAN NO: 51

perkhidmatan feri dalam memastikan perkhidmatan feri tersebut kekal relevan dan memenuhi kehendak pengguna sedia ada.

6. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan memberi jaminan bahawa operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang akan diteruskan tanpa sebarang halangan demi kesejahteraan rakyat Malaysia dan rakyat Pulau Pinang, secara khususnya dan sentiasa memulihara perkhidmatan feri ini sebagai mod pengangkutan ikonik di Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 51